

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR  
BILANGAN 2/2003**

---

**PEMBERIMILIKAN TANAH KEPADA MAJLIS AGAMA ISLAM  
SELANGOR BAGI TAPAK-TAPAK KEAGAMAAN ISLAM  
DI NEGERI SELANGOR**

---

**1. TUJUAN:**

Pekeling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah mengenai dasar Kerajaan Negeri melupuskan tanah secara pemberimilikan kepada Majlis Agama Islam Selangor bagi tapak-tapak kegunaan keagamaan Islam seperti tapak masjid, surau, sekolah agama rendah, sekolah agama menengah, kubur Islam, Pejabat Agama Islam dan lain-lain di negeri ini.

**2. LATAR BELAKANG:**

Buat masa ini semua tapak-tapak kegunaan agama Islam dilupuskan secara perizaban di bawah seksyen 62, Kanun Tanah Negara dan diletakan di bawah kawalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor atau pada satu ketika dahulu diletakkan di bawah kawalan Penghulu dan Jawatankuasa Masjid yang berkenaan. Disebabkan ketiadaan peruntukan kewangan daripada Kerajaan Negeri menyebabkan tapak-tapak yang dirizabkan tidak dapat dibangunkan walaupun keperluan mendesak.

Disamping itu terdapat juga tapak-tapak yang telah dirizabkan untuk sesuatu tujuan keagamaan tidak lagi sesuai untuk dimajukan mengikut tujuan dirizabkan kerana kemudahan yang sama telah diwujudkan di kawasan berhampiran. Oleh itu kawasan tersebut tidak dimajukan dan sesetengahnya telah dicerobohi. Keadaan bertambah rumit lagi apabila penjagaan dan pemantauan secara menyeluruh dan rapi tidak dapat dijalankan oleh pegawai-pegawai pengawal.

Di atas sebab-sebab tersebut, Pihak Berkuasa Negeri yang bermesyuarat pada 8 Januari 2003 meluluskan pelupusan secara pemberimilikan kepada Majlis Agama Islam Selangor bagi tapak-tapak yang dahulunya diluluskan untuk diwartakan di bawah Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor sebagai Pegawai Pengawal.

### 3. **KAEDAH, SYARAT DAN BAYARAN YANG DIKENAKAN:**

#### 3.1 **Kaedah**

Tanah-tanah kegunaan keagamaan Islam hendaklah dilupuskan secara pemberimilikan tanah kepada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Urusan pemberimilikan tanah akan dibuat ke atas tanah-tanah keagamaan Islam yang masih belum dirizabkan di bawah seksyen 62, Kanun Tanah Negara. Manakala tanah-tanah yang dirizabkan di bawah seksyen tersebut dikekalkan kecuali jika perlu boleh dibatalkan serta dilupuskan secara pemberimilikan kepada MAIS untuk tujuan pembangunan

#### 3.2 **Syarat-syarat**

Jenis hakmilik	:	Pejabat Pendaftar/Pejabat Tanah
Jenis Suratan	:	Pajakan Negeri/Pajakan Mukim
Tempoh Pajakan	:	99 Tahun
Keluasan	:	Mengikut keluasan dalam pelan
Kategori	:	Bangunan/Tiada
Syarat Nyata	:	Kemasyarakatan/Tanah Perkuburan

Sekatan : Tanah ini hendaklah digunakan semata-mata untuk tapak keagamaan Islam dan hendaklah mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Negeri jika untuk kegunaan lain.

### 3.3 **Bayaran Premium**

- i) Bangunan masjid, surau, sekolah agama kerajaan dan tapak perkuburan Islam seperti berikut :-
  - a) Tanah bandar/pekan - RM1,000.00 seekar atau sebahagiannya.
  - b) Tanah desa - RM500.00 seekar atau sebahagiannya.
- ii) Bangunan sekolah agama swasta dikenakan premium berikut :-  
 $\frac{1}{2} \times 1/100 \times$  nilai tanah semasa  $\times$  tempoh pajakan
- iii) Sekiranya tapak yang diberikan dibangunkan bagi tujuan selaian daripada keagamaan dikenakan syarat-syarat berikut :
  - a) Bangunan kediaman untuk tujuan komersial  
 $\frac{1}{2} \times 1/100 \times$  nilai tanah semasa  $\times$  tempoh pajakan  
dan
  - b) Bangunan perniagaan/industri  
 $\frac{3}{4} \times 1/100 \times$  nilai tanah semasa  $\times$  tempoh pajakan

### **3.4 Cukai tahunan**

- a) Bangunan masjid, surau, sekolah agama kerajaan dan tapak perkuburan Islam seperti berikut:-
  - i) Tanah bandar/pekan - RM100.00 selot
  - ii) Tanah desa - RM10.00 selot
- b) Bangunan sekolah agama swasta mengikut Arahan Kanun Tanah Negara (Perubahan Cukai) 1993.
- c) Jika tapak digunakan untuk tujuan selain dari kegunaan keagamaan cukai tahunan mengikut Arahan Kanun Tanah Negara (Perubahan Cukai) 1993.

### **3.5 Bayaran ukur dan lain-lain bayaran.**

Bayaran ukur dikenakan mengenaikan kadar yang ditetapkan.

## **4. TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling ini pemakaianya berkuatkuasa serta merta.

TT  
**(DATO' ASAHA @ ISHAK ABONG)**  
Pengarah Tanah dan Galian,  
Selangor Darul Ehsan.

Bertarikh : 14 APRIL 2003